

APAKAH PERANAN BURSA MALAYSIA DERIVATIVES BERHAD, BURSA MALAYSIA DERIVATIVES CLEARING BERHAD & PESERTA DAGANGAN?



BURSA MALAYSIA DERIVATIVES BERHAD (BMD)

- Mengendalikan bursa niaga hadapan dan opsiyen di bawah penyeliaan Suruhanjaya Sekuriti dan ditadbir oleh Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Ia terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia.
- Memudahkan kecairan dan penyeragaman kontrak derivatif.
- Menerapkan ketelusan dalam aktiviti perdagangan dengan menyebarkan maklumat seperti harga, pembidaan, dan penawaran kepada semua peserta pasaran.

BURSA MALAYSIA DERIVATIVES CLEARING BERHAD (BMDC)

- Menyediakan, mengendali, dan mengekalkan rumah penjelasan untuk bursa niaga hadapan dan opsiyen.
- Bertindak sebagai orang tengah bagi menjamin keselamatan dan kecekapan yang penting untuk memastikan kestabilan pasaran kewangan.
- Mengurangkan risiko kegagalan pembayaran dengan mengenakan peraturan keperluan margin.

BMD & BMDC




PESERTA DAGANGAN (TP) / BROKER NIAGA HADAPAN

TP juga dikenali sebagai broker niaga hadapan, yang merupakan firma yang melaksanakan arahan untuk membeli atau menjual kontrak derivatif bagi pihak pelanggan dan mengenakan komisen terhadap mereka.

- Melaksanakan perdagangan untuk pelanggan mereka dan memperoleh komisen.
- Bertindak sebagai perantara antara Bursa Malaysia Derivatives dengan peserta pasaran untuk memudahkan aktiviti perdagangan.
- Menyediakan platform dagangan agar pelanggan boleh berdagang sendiri.



STRUKTUR PENGAWALSELIAAN



Penafian:

"Maklumat yang disediakan dalam risalah ini adalah untuk tujuan umum sahaja. Maklumat yang terkandung bukanlah nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan atau pelaburan. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan/atau merujuk pada undang-undang, peraturan dan kaedah yang berkaitan sebelum membalas atau mengambil sebarang tindakan berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia dan anak-anak syarikatnya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad tidak menerima apa-apa liabiliti walau apapun yang timbul, termasuk apa-apa liabiliti yang timbul daripada apa-apa keputusan yang dibuat atas dasar maklumat ini."